


KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP


SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

ENGLISH

BAHASA MELAYU

Accessibility

Sign in



Search


F.A.Q


Contact Us


Complaints & Feedback


Sitemap

CR

Career

Training Academy

Gallery

FAQs

Contact Us

Home

About SSM

Services

Products

Legal Framework

Publication

Title SSM Lancar Portal SSM4U Version 2.0 Sempena Majlis Ulang Tahun Ke-21

Content Kuala Lumpur, 13 April 2023 – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini melancarkan portal SSM4U version 2.0 yang telah dinaik taraf dari versi asal iaitu portal SSM4U, menggunakan kepakaran dalaman SSM.

Portal SSM4U version 2.0 merupakan portal khas yang lebih interaktif dan mesra pelanggan dengan akses setempat kepada semua perkhidmatan dalam talian SSM.

Portal SSM4U version 2.0 yang akan mula beroperasi pada 17 April 2023, dilancarkan oleh YB Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) semasa Majlis sambutan ulang tahun SSM ke-21 yang membawa tema 'Semarak Daya Niaga'.

Dalam ucapan perasmianya, Puan Hajah Fuziah berkata SSM telah mencatatkan pelbagai transformasi dalam 21 tahun sejak penubuhannya, terutamanya dari segi penyampaian perkhidmatan daripada manual ke digital dengan memperkenalkan portal-portal dalam talian seperti EzBiz Online, MyCoID, MyLLP dan MBRS yang memanfaatkan keupayaan digital dalam menjadi sebuah agensi pengawal selia yang dipercayai sekaligus mendorong pertumbuhan positif sektor korporat di Malaysia.

"SSM telah berjaya mentransformasikan bukan saja proses pendigitalan bagi mendaftarkan pelbagai entiti perniagaan, malah telah berjaya mengurangkan tempoh masa diambil bagi memulakan perniagaan dan perbadanan syarikat di Malaysia melalui sistem berasaskan teknologi digital yang canggih, moden dan mesra pengguna," katanya.

Tambah beliau, sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 8,890,348 perniagaan, 1,495,048 syarikat dan 34,757 Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) telah berjaya didaftarkan dengan SSM.

Dalam majlis yang sama, SSM juga menyantuni golongan yang kurang bernasib baik dengan menyampaikan sumbangan Wakalah Zakat Korporat dan Tanggungjawab Sosial Korporat berjumlah RM57,000 kepada lebih 15 penerima terdiri daripada rumah kebajikan, usahawan asnaf serta B40.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tuan Ahmad Sabki Yusof, Pengerusi SSM, Anggota-Anggota Suruhanjaya dan Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel kepada enquiry@ssm.com.my.

DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
TARIKH: 13 APRIL 2023

Date 4/13/2023

Category News

Year 2023

Metadata Press Release

Date Published 13/04/2023

Created at 4/13/2023 12:59 PM by FAKHRUR RAZI MOHD FADZIL

Last modified at 4/13/2023 12:59 PM by FAKHRUR RAZI MOHD FADZIL

Close

Gerbang Rasmi Kerajaan Malaysia
MyGovernment

AGENCIES UNDER MINISTRY OF DOMESTIC TRADE AND COST OF LIVING

[Other Links](#)[MyCoLD Participating Agencies](#)**SSM General Line**E-mail: [enquiry\[at\]ssm.com.my](mailto:enquiry[at]ssm.com.my)**Operation Hour**

Day: Monday - Friday

Service Counter: 8.15 AM - 4.15 PM

SSM Contact Centre

Telephone: +603-7721 4000

Fax: +603-7721 4001

[Privacy Policy](#)[Security Policy](#)[Disclaimer](#)[Sitemap](#)

Best viewed using latest Google Chrome & Mozilla Firefox version with resolution of 1280 x 768 pixels.

Copyright 2018 © Companies Commission of Malaysia. All rights reserved.